

**Ucapan oleh Leonid Brezhnev  
di Majlis Jamuan yang diberikan oleh  
Beliau untuk meraikan Presiden Nixon  
21 Jun, 1973**

Yang dimuliakan Tuan Presiden,  
Yang dimuliakan Puan Nixon,  
Tuan-tuan dan Puan-puan,  
Kawan-kawan,

Saya besar hati mengalu-ngalukan Tuan Presiden, Isteri Tuan, anggota-anggota kerajaan Amerika dan lain-lain tetamu yang dimuliakan di Kedutaan Soviet di Washington.

Bagi pihak rakan-rakan dan saya sendiri, saya suka pertama kali mengucapkan terimakasih peribadi kepada Tuan Presiden, dan Puan Patricia Nixon dan lain-lain anggota keluarga tuan kerana memberi layanan baik kepada kami dari mula kami sampai ke negara tuan.

Dalam masa yang sama, saya suka mengucapkan penghargaan kepada semua rakyat Amerika yang telah menunjukkan perasaan persahabatan kepada kami dan lawatan kami dan rundingan-rundingan yang memuaskan. Kami sifatkan ini sebagai kenyataan tentang kehormatan rakyat Amerika kepada rakyat Soviet, sebagai bukti, tentang hasrat bersama rakyat kita untuk hidup dalam rukun damai dan persahabatan antara satu sama lain.

Mesyuarat kita keseluruhannya memberi keutamaan tentang kesedaran tanggungjawab kita. Rundingan-rundingan sedang berjalan dengan pesat; mesyuarat-mesyuarat itu

meliputi berbagai masalah, dan semua di jalan dengan bersungguh-sungguh dan membina. Semua ini mengeluarkan hasil yang baik setiap hari dan membawa kita lebih rapat untuk mencapai matlamat bersama kita — untuk menjamin kemajuan hubungan yang lebih baik antara Soviet dengan Amerika untuk mengurangkan ancaman peperangan, mengukuhkan keamanan dan keselamatan dunia.

Sumbangan kedua negara kita untuk memenuhi keperluan yang maha penting ini tidak dapat disyaki akan mengujudkan hubungan peringkat baru antara Soviet dengan Amerika. Pada bulan Mei tahun lalu, kita bersetuju dalam zaman nuklear tidak ada cara lain untuk mengekalkan hubungan ialah dengan mengamalkan hidup bersama. Sekarang kita dapat menyatakan dengan tegas bahawa prinsip hidup bersama sekarang dapat melahirkan bentuk yang konkrit.

Kita yakin bahawa keputusan-keputusan rundingan kita akan mengukuhkan hubungan keamanan dan kepercayaan bersama antara Soviet Union dengan Amerika Syarikat. Pada masa yang sama banyak lagi peluang-peluang akan terbuka bagi pembangunan yang membina bagi hubungan-hubungan ini.

Seseorang itu akan puas hati usaha bersama yang membolehkan kita mengambil langkah baru bagi mengatasi masalah yang paling mustahak dan dalam masa yang sama masalah-masalah sulit seperti menghadkan senjata USSR dan Amerika Syarikat. Perjanjian itu dicapai pada asas-asas utama yang akan diikuti rundingan-rundingan selanjutnya mengenai masalah ini untuk memberi arah terus usaha bersama terhadap perjanjian penting yang bertujuan bukan saja untuk menyekat tetapi membatalkan pengeluaran nuklear berpandu — yang merbahaya dan mahal — dengan itu negara-negara kita dapat menyalurkan lebih banyak lagi wang bagi kegunaan memperbaiki keadaan hidup rakyat.

Tenaga atom juga hendaklah digunakan bagi kegunaan-kegunaan keamanan. Kesanggupan negara-negara kita bagi mempercepatkan usaha bersama telah terdapat dalam perjanjian mengenai kerjasama bagi kegunaan tenaga atom, juga ditandatangani oleh Presiden Nixon dan saya hari ini.

Kami memberi perhatian utama terhadap perjanjian bersama yang diambil dalam mesyuarat di Moscow tahun lalu. Beberapa perjanjian mengenai kerjasama antara USSR dan AS di lain-lain bidang sains, teknologi dan kebudayaan telah ditandatangani dalam lawatan ini. Ini akan menjadikan hubungan Soviet Amerika lebih kukuh. Pada masa yang sama kita yakin kemajuan kerjasama seperti itu akan memberi faedah kepada lain-lain negara kerana ia bertujuan untuk mengatasi masalah utama umat manusia.

Masih terdapat beberapa masalah yang belum diselesaikan dalam hubungan antara kedua negara kita dan saya antara lain berhubung dengan menghadkan senjata api dan juga soal perdagangan dan ekonomi.

Kami percaya dengan persefahaman yang konkrit akan dapat memberi faedah bersama terhadap jenerasi sekarang dan akan datang.

Kami yakin bahawa dengan usaha untuk memperkukuhkan hubungan bagi mengujudkan kepercayaan bersama, kita akan mara ke hadapan dengan yakin. Kita mahu kemajuan hubungan hendaklah stabil sekecil-kecilnya yang boleh.

Tuan Presiden dalam rangka rundingan kita mulailah cara yang bersungguh-sungguh dan membina, saya telah pun mempunyai kesempatan untuk memperkatakan kepada tuan dan ingin mengulangi sekali lagi di sini bagi faedah tetamu Amerika sekarang bahawa Kerajaan Soviet berusaha untuk memperbaiki hubungan dengan AS bukanlah hanya sementara saja. Ini adalah satu ketegasan yang membayangkan prinsip-prinsip tetap bagi dasar luar Soviet yang digubal oleh pengasas besar Lenin. Usaha ini mendapat sokongan rakyat kami.

Rakyat Soviet percaya bahawa kebanyakan rakyat Amerika juga bersetuju tentang usaha mengukuhkan keamanan dan kerjasama antara Rakyat Soviet dengan Amerika Syarikat.

Dukacita, oleh kerana rancangan-rancangan yang ketat, saya tidak mempunyai masa untuk mempelajari lebih mendalam tentang negara tuan yang masyhur ini untuk mengetahui penghidupan rakyat Amerika. Bagaimanapun saya telah dapat melihat serba sedikit yang sangat menarik. Saya harap

dapat raemperbaiki keadaan ini apabila kami melawat Pantai Barat AS ke California atas undangan Tuan Presiden untuk melihat kecantikan alam semula jadi dan akhir-akhir ini perkembangan perusahaan yang pesat.

Bagi pihak saya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan undangan bagi pihak Presidium Majlis tertinggi USSR dan Kerajaan Soviet untuk melakukan lawatan resmi ke Soviet Union pada tahun 1974. Saya yakin lawatan tuan ke Soviet akan mengujudkan suasana penting bagi menjayakan kemajuan hubungan antara kedua negara.

Kami juga ingin membalas segala layanan baik yang diberikan kepada kami sekarang oleh Presiden, kerajaan dan rakyat Amerika Syarikat. Benarkan saya melahirkan harapan, pada ketika itu Tuan Presiden akan dapat memahami secara lebih dekat lagi mengenai negara kami, dan kehidupan rakyat Soviet.